

Petronas hilang sekitar RM17 bilion sepanjang PKP

Malaysiakini

11 Ogos 2020

PARLIMEN | Petroliam Nasional Berhad (Petronas) melaporkan kehilangan pendapatan petroleum sekitar RM17 billion dari Mac hingga Jun 2020 sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), demikian Dewan Rakyat dimaklumkan.

Perkara itu dinyatakan dalam jawapan bertulis yang dikeluarkan pada 10 Ogos bagi menjawab pertanyaan Tuan Noor Amin Ahmad (PH-Kangar) yang meminta Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk menyatakan jumlah sebenar kehilangan pendapatan petroleum sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.

Sepanjang tempoh tersebut sektor ekonomi secara amnya telah ditutup untuk mengawal penularan pandemik Covid-19.

Semasa tempoh awal PKP, harga minyak mentah dunia mengikut penanda aras minyak mentah Brent jatuh daripada paras US\$51.80 pada Februari kepada

US\$20.37 pada awal Mac, berada pada tahap terendahnya pada tahun ini.

Sementara itu perdana menteri dalam jawapan bertulis juga menyatakan bahawa pada masa ini Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk meminda Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA1974).

Ia sebagai menjawab pertanyaan Datuk Johari Abdul (PH-Sungai Petani) yang menanyakan sama ada peletakan jawatan bekas ketua pegawai eksekutif Petronas Wan Zulkiflee Wan Ariffin ada kaitan dengan rancangan untuk meminda Akta Pembangunan Petroleum.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/538252>